

**DM 2.2: Cadangan Program Pengurusan Sumber Perikanan Berasaskan Komuniti**  
(Community Based Fisheries Management)

**CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM**

**Justifikasi Cadangan:**

- Menjadi salah satu platform bagi komuniti desa membantu pihak berkuasa memantau dan memelihara kawasan sumber perikanan di kawasan komuniti mereka.
- Komuniti yang terlibat dalam aktiviti pengambilan sumber perikanan boleh dididik supaya mengamalkan kaedah penangkapan yang mampan.

**Komponen Cadangan:**

- Menjalankan pemantauan, pencegahan dan pemuliharaan sumber perikanan.
- Membanteras aktiviti yang menjejaskan ekosistem seperti punca pencemaran, pencerobohan yang menggunakan kaedah atau peralatan yang merosakkan sumber.

**Kaedah Pelaksanaan:**

- Menyediakan program latihan kemahiran aktiviti perikanan yang mampan kepada golongan masyarakat desa.
- Mengadakan aktiviti `engagement` antara jabatan dan komuniti nelayan tiga (3) bulan sekali.

**CADANGAN LOKASI**

Cadangan ini melibatkan **11 kampung**.

Daerah	Kampung Dalam Bandar	Kampung Luar Desa
Johor Bahru	7	1
Kulai	-	-
Kota Tinggi	1	1
Pontian	-	1
<b>Jumlah</b>	<b>8</b>	<b>3</b>

**AGENSI PELAKSANA**


Pemula	Pelaksana
• Jabatan Perikanan	• Jabatan Perikanan

**ANGGARAN KOS**


- Program latihan kemahiran, perkongsian teknologi = RM 8,000 setahun/ kg = RM 264,000
- Aktiviti `engagement` jabatan dan komuniti nelayan 3 bulan sekali = RM 20,000 (setahun/ daerah) = RM 240,000

**Jumlah Keseluruhan Kos: RM 504,000**

**FASA PELAKSANAAN**



Rajah 7.14: Potensi Kampung Terlibat Program Pengurusan Perikanan Berasaskan Sumber



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 1: Johor Selatan), 2019

PETUNJUK:

**KAMPUNG AKTIF NELAYAN**

- |                      |                            |
|----------------------|----------------------------|
| ① Kampung Tg Langsat | ⑦ Jeti Nelayan Pendas Laut |
| ② Kg Kong-kong Laut  | ⑧ Kg Teluk Jawa            |
| ③ Kg Sungai Latoh    | ⑨ Tanjung Balau, Benut     |
| ④ Kg Sungai Tiram    | ⑩ Kg Tanjung Buai          |
| ⑤ Kg Plentong Tengah | ⑪ Jeti Nelayan Ayer Baloi  |
| ⑥ Kg. Senibong       |                            |

**TAHAP HAKISAN**

- |  |                        |
|--|------------------------|
|  | Hakisan Pantai Tahap 5 |
|  | Hakisan Pantai Tahap 4 |
|  | Hakisan Pantai Tahap 3 |